

22/05/1998

Pekerja kilang jadi sasaran kempen Asnita

SEREMBAN, Khamis - Kerajaan negeri yakin sasaran pelaburan Skim Amanah Saham Wanita (Asnita) dapat dicapai jika tumpuan kempen diberikan terhadap pekerja kilang.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kebanyakan pekerja kilang adalah golongan muda dan jika diberi penerangan, mereka berpotensi besar untuk menabung dalam Asnita.

Sehubungan itu, katanya kerajaan negeri berusaha memastikan kempen pelaburan dijalankan di kalangan pekerja kilang dengan kerjasama beberapa pihak.

"Oleh kerana negeri ini mempunyai Majlis Perhubungan Industri Negeri Sembilan (NSILC) yang dianggotai 63 kilang, kerajaan negeri akan meminta bantuan NSILC," katanya.

Bercakap di majlis pelancaran Asnita peringkat negeri di Wisma Theatrette di sini, petang semalam, beliau berkata, satu program sedang dirancang untuk menggalakkan pekerja kilang menyertai Asnita.

Turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan naibnya, Datuk Napsiah Omar.

Dalam majlis itu, sebanyak RM15,600 dikutip dalam bentuk gadaian barang emas dan RM75,000 wang tunai untuk pelaburan dalam Asnita. Asnita dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra, baru-baru ini.

(END)